



جابتن قهرهوتن نكري قيرق
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK
PERSIARAN MERU UTAMA,
BANDAR MERU RAYA,
30020 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-528 8100
: 05-528 8071
: 05-528 8072
: 05-528 8073
: 05-528 8075
Faks : 05-528 8101
Laman Web : www.perakforestry.gov.my



Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : PPN.Pk (Silv) 4/10 ()

Tarikh :

30 Januari 2026

Ketua Penolong Pengarah

Bahagian Khidmat Pengurusan & Sumber Manusia

Pegawai Hutan Daerah

Hulu Perak, Kuala Kangsar, Larut & Matang & Kinta Manjung.

Tuan

**RALAT: PEMBATALAN DAN PINDAAN SYARAT SEBUTHARGA YANG TELAH
DIIKLANKAN BAGI PERKHIDMATAN PEMBANGUNAN HUTAN (TANAMAN BAKAU
DAN BANCIAN HUTAN SELEPAS TEBANGAN (POST-F) BIL. 1 TAHUN 2026.**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tercatat di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Bahagian Silvikultur dan Kepelbagaian Biologi telah mengeluarkan sebutharga dan mengiklankan tawaran bagi perkhidmatan seperti dinyatakan di atas. Walau bagaimanapun terdapat pindaan pada syarat sebutharga yang dinyatakan di dalam iklan sebelum ini bagi memenuhi syarat di dalam Pekeliling Perbendaharaan PK 2.9 iaitu;

4.2 (vii) ...Agensi hendaklah mensyaratkan bahawa hanya penama di dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan, Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK), PUKONSA, UPKJ yang boleh menghadiri lawatan tapak atau taklimat sebut harga dan tidak boleh mewakilkan pegawai lain;

3. Sehubungan itu bersama-sama ini disertakan sesalinan syarat sebutharga yang baru untuk digantikan dan dipamerkan di papan kenyataan pejabat tuan dan di laman sesawang jabatan.

3. Segala perhatian, kerjasama dan tindakan segera tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan dialu-alukan.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(AZNI RAHMAN BIN A. WAHID)

Timbalan Pengarah (Pembangunan)

b.p Pengarah Perhutanan Negeri

Perak Darul Ridzuan

s.k. Pengarah Perhutanan Negeri

Penolong Pegawai Teknologi Maklumat - untuk disiarkan di laman web Jabatan

1. Bahagian Silvikultur dan Kepelbagaian Biologi, Jabatan Perhutanan Negeri Perak akan menawarkan **Perkhidmatan Penanaman Bakau (Musnah Piai dan Pokok Musuh serta Penanaman Pokok Bakau)** seperti yang dinyatakan pada Kenyataan Sebutharga yang dilampirkan.
2. Kontraktor yang berminat untuk menyertai sebutharga ini **diwajibkan menghadiri sesi taklimat sebutharga dan lawatan tapak** sepertimana ditetapkan Kenyataan Sebutharga.
3. Kontraktor yang berminat menghadiri lawatan tapak dikehendaki mendapatkan **permit memasuki hutan simpanan kekal** melalui sistem e-Permit.
4. Kontraktor yang berminat menghadiri lawatan tapak dikehendaki **menyediakan alat pengangkutan yang sesuai termasuk pengangkutan air seperti bot** untuk tujuan ke lawatan tapak di lapangan serta memakai pakaian yang sesuai.
5. Hanya penama syarikat yang sah sahaja atau wakil yang membawa surat perwakilan yang ditandatangani oleh penama dibenarkan menghadiri lawatan tapak dan perlu membawa dan menyerahkan **sesalinan**:
 - a) Salinan Kad Pengenalan pemilik syarikat;
 - b) Sijil pendaftaran syarikat yang masih aktif yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
 - c) Pendaftaran kod bidang yang masih aktif yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (KKM);
 - d) Sijil pendaftaran kontraktor pembangunan yang masih aktif yang dikeluarkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak
 - e) Seorang wakil hanya boleh mewakili satu (1) syarikat sahaja pada satu-satu lawatan tapak.
6. Dokumen Sebutharga boleh dibeli mulai **tarikh seperti yang dinyatakan di dalam Kenyataan Sebutharga sehingga sebelum tutup Sebutharga** pada waktu pejabat di Bahagian Silvikultur & Kepelbagaian Biologi, Jabatan Perhutanan Negeri Perak.
7. Dokumen Sebutharga akan dijual dengan harga **RM20.00 (Ringgit Malaysia : Dua Puluh Sahaja)** senaskah kepada syarikat/penama yang menghadiri lawatan tapak sahaja. Semua bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk **Kad Debit/Kredit atau Bank Deraf, secara atas talian atau imbasan QR Code** atas nama **"BENDAHARI NEGERI PERAK"**. Bayaran secara **Wang Tunai** tidak akan diterima.
8. Dokumen Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri yang ditulis di penjuru kanan Sampul Surat No. Sebutharga dan dialamatkan seperti di bawah dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga yang disediakan di **Bilik Tender, Aras G, Jabatan Perhutanan Negeri Perak, Persiaran Meru Utama, Bandar Meru Raya, 30020 Ipoh, Perak Darul Ridzuan** sebelum atau pada tarikh dan masa yang ditetapkan di dalam Kenyataan Sebutharga.

**PENGARAH
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK**

1. Bahagian Silvikultur dan Kepelbagaian Biologi, Jabatan Perhutanan Negeri Perak akan menawarkan **Perkhidmatan Bancian hutan Selepas Tebangan (Post-F)** seperti yang dinyatakan pada Kenyataan Sebutharga yang dilampirkan.
2. Kontraktor yang berminat untuk menyertai sebutharga ini **diwajibkan menghadiri sesi taklimat sebutharga dan lawatan tapak** sepertimana ketetapan Kenyataan Sebutharga.
3. Kontraktor yang berminat menghadiri lawatan tapak dikehendaki mendapatkan **permit memasuki hutan simpanan kekal** melalui sistem e-Permit.
4. Kontraktor yang berminat menghadiri lawatan tapak dikehendaki **menyediakan alat pengangkutan yang sesuai termasuk kenderaan pacuan empat roda (4x4)** untuk tujuan ke lawatan tapak di lapangan serta memakai pakaian yang sesuai.
5. **Hanya penama syarikat yang sah sahaja** dibenarkan menghadiri lawatan tapak dan perlu membawa dan menyerahkan **sesalinan**:
 - a) **Salinan Kad Pengenalan pemilik syarikat;**
 - b) **Sijil pendaftaran syarikat yang masih aktif yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);**
 - c) **Pendaftaran kod bidang yang masih aktif yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (KKM);**
 - d) **Sijil pendaftaran kontraktor pembangunan yang masih aktif yang dikeluarkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak**
6. Dokumen Sebutharga boleh dibeli mulai tarikh seperti yang dinyatakan di dalam **Kenyataan Sebutharga sehingga sebelum tutup Sebutharga** pada waktu pejabat di Bahagian Silvikultur & Kepelbagaian Biologi, Jabatan Perhutanan Negeri Perak.
7. Dokumen Sebutharga akan dijual dengan harga **RM20.00 (Ringgit Malaysia : Dua Puluh Sahaja)** senaskah kepada syarikat/penama yang menghadiri lawatan tapak sahaja. Semua bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk **Kad Debit/Kredit** atau **Bank Deraf, secara atas talian atau imbasan QR Code** atas nama **"BENDAHARI NEGERI PERAK"**. Bayaran secara **Wang Tunai** tidak akan diterima.
8. Dokumen Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri yang ditulis di penjuru kanan Sampul Surat No. Sebutharga dan dialamatkan seperti di bawah dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga yang disediakan di **Bilik Tender, Aras G, Jabatan Perhutanan Negeri Perak, Persiaran Meru Utama, Bandar Meru Raya, 30020 Ipoh, Perak Darul Ridzuan** sebelum atau pada tarikh dan masa yang ditetapkan di dalam Kenyataan Sebutharga.

**PENGARAH
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK**

